

AKHBAR : **Www.Kitepunye.Com**  
TARIKH : 29 Ogos 2024  
SENTIMEN: Positif

MUKA SURAT : Online  
HARI : Khamis



FOOD MUSIC MOVIE/TEATER GADJET EVENT BUSINESS TRAVEL PRODUCT SAMSUNG



## EDUTAINMENT FEST SIMPAN SSPN CIPTA SEJARAH, AMAZING!

Jenama terkemuka Portal majalah, Pa&Ma, Bintang Kecil dan Keluarga di bawah Nu Ideaktiv dengan bangganya mempersembahkan Edutainment Fest Simpan SSPN. Telah berlangsung selama dua (2) hari pada 24 & 25 Ogos 2024 di Pusat beli-belah Datum Jelatek mendapat sambutan yang sangat menggalakkan.



Sebuah program yang menyatukan dunia pendidikan dan hiburan dalam satu pengalaman yang menyeronokkan dan bermanfaat. Dengan sokongan padu daripada Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN).

### BUKAN SEKADAR HIBURAN

Festival ini bukan sekadar program hiburan, tetapi juga satu platform untuk memupuk kesedaran tentang pentingnya perancangan kewangan dan simpanan bagi masa depan pendidikan anak-anak. Untuk kali ini bertujuan untuk menggabungkan pendidikan dengan hiburan, menawarkan pelbagai bengkel interaktif.



Bagi anak-anak yang berumur 0-6 tahun ini adalah masa untuk bersinar dimana dapat menonjolkan bakat yang direka untuk mempromosikan pembelajaran melalui pengalaman yang menyenangkan. Pelbagai aktiviti menarik direka khas untuk memupuk perkembangan minda dan kemahiran, sambil mengingatkan kepentingan perancangan kewangan melalui sokongan Simpan SSPN. Ibu bapa dan kanak-kanak sama-sama boleh berseronok sambil mempersiapkan diri untuk masa depan yang lebih cerah.

### **BELAJAR SAMBIL BERMAIN**

“Kami di Ideaktiv berbangga dapat menganjurkan Edutainment Fest ini. Program ini bukan sahaja menyenangkan, tetapi juga mendidik, memberikan peluang kepada kanak-kanak untuk belajar sambil bermain.



Dengan sokongan daripada SSPN, kami percaya bahawa program ini akan memberi kesan positif yang mendalam, bukan sahaja kepada kanak-kanak. Tetapi juga kepada ibu bapa dalam merancang masa depan pendidikan anak-anak mereka. Kami berharap agar semua peserta menikmati pengalaman ini dan mengambil manfaat daripadanya.” -kongsi Ketua Pegawai Eksekutif Nu Ideaktiv, Syamil Fahim Mohamed Fahim

## **KOMITMEN KAMI UNTUK MENDIDIK**

“Edutainment Fest adalah bukti komitmen kami untuk menyediakan kandungan yang bukan sahaja menghiburkan tetapi juga mendidik.

Kami percaya bahawa program ini dapat membantu kanak-kanak mengembangkan potensi mereka dengan cara yang menyeronokkan sambil memupuk kesedaran tentang kepentingan perancangan masa depan.



Dengan sokongan daripada SSPN, kami yakin festival ini akan memberikan pengalaman yang bermanfaat kepada semua yang terlibat.”

## **SOROTAN EDUTAINMENT FEST**

### **HIMPUNAN & PERAKAN MEGA MERDEKA**

Perarakan mempesonakan dengan penyertaan kanak-kanak berumur 4 hingga 6 tahun dengan berpakaian seragam pelbagai warna dalam menyambut Hari Kebangsaan dengan penuh kegembiraan dan keceriaan.

### **MAJLIS PELANCARAN EDUTAINMENT FEST**

Majlis Pelancaran Edutainment Fest: Pelancaran ini menekankan peranan penting pendidikan dalam membentuk masa depan anak-anak kita. Disokong oleh Simpan SSPN, ia melambangkan komitmen mereka dalam memupuk generasi muda yang cemerlang. Pelancaran Edutainment Fest Simpan SSPN ini disempurnakan oleh Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN.



#### **CATFLUENCER:**

Pengunjung dapat menemui kucing paling popular di Malaysia bersama pemiliknya, serta dapat pelajari tentang penjagaan kucing, dan nikmati pengalaman unik dengan kucing kesayangan anda.

#### **MERDEKA KIDS MARATHON CATWALK**

Saksikan bintang kecil berumur 1 hingga 3 tahun mempamerkan kreativiti dan gaya mereka di atas pentas. 10 peserta terbaik akan menerima akaun Simpan SSPN dan baucar istimewa. Manakala 20 peserta seterusnya akan mendapat hadiah saguhati.



## **PERTANDINGAN MEWARNA MEGA**

Pertandingan Mewarna Mega: Menghimpunkan 1,000 peserta kanak-kanak. Mereka akan menerima medal dan sijil penyertaan dan tambah menarik, pemenang utama untuk pertandingan ini akan menerima akaun Simpan SSPN dan set mewarna.



## **BORAK PA&MA**

Wacana yang bermanfaat bersama selebriti, Syamel dan Ika Nabella mengenai kepentingan simpanan keluarga dan pengurusan kewangan. Pengunjung dapat pelajari tips praktikal dan strategi untuk memastikan masa depan anak-anak mereka terjamin.

## **BAYI MARATHON RACE**

Pertandingan maraton untuk bayi yang memerlukan peserta untuk mengharungi siri halangan yang menyeronokkan, dari terowong merangkak hingga cabaran mencari barang misteri, direka khusus untuk mereka.

## **KONSERT MELETOP BINTANG KECIL**

Penampilan hebat kanak-kanak pra sekolah dengan konsert yang menonjolkan pelbagai bakat istimewa. Konsert ini menyediakan platform yang menyokong untuk mengekspresi diri dan menggalakkan perkembangan sosial mereka.

## **PUTARAN RODA ISTIMEWA EDUTAINMENT FEST SIMPAN SSPN**

Jangan lupa untuk sertai putaran roda istimewa ini dengan membuat pembukaan baharu atau penambahan akaun Simpan SSPN. Pemenang dengan tiket emas akan berpeluang memutar roda untuk hadiah menarik. Termasuk akaun Simpan SSPN bernilai RM1000, baucar penginapan, basikal, car seat, mainan dan banyak lagi hadiah menarik!



Antara selebriti yang turut memeriahkan festival ini ialah Uyaina Arshad, Syamel, Haziq Hussni, Mark Adam, Ika Nabella dan Dr. Tengku Asmadi. Kehadiran mereka ini menambahkan lagi kemeriahan dan tarikan kepada festival, memberikan pengalaman yang lebih menarik kepada semua pengunjung.

<https://www.kitepunye.com/edutainment-fest-simpan-sspn-cipta-sejarah-amazing/>